

'Bukan kerana PM tidak puas hati prestasi Kabinet'

BH-13/2/2019 m/s:3

Sepang: Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menafikan tuduhan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi adalah kerana Tun Dr Mahathir Mohamad berasakan barisan Kabinet tidak memadai untuk menangani isu ekonomi, kewangan dan kebajikan rakyat.

Mohamed Azmin berkata, Majlis Tindakan Ekonomi ditubuhkan untuk kepentingan rakyat dan dianggotai pelbagai individu yang memiliki kepakaran masing-masing dan ada reputasi baik dalam masyarakat.

"Input mereka berikan amat penting untuk diperhalusi dan keputusan akan dibuat secara bersama. Tindakan diambil akan beri kesan positif kepada rakyat," katanya yang ditemui media selepas melancarkan perkhidmatan penerbangan sewa khas untuk haji dan umrah, Amal di bawah kendalian Malaysia Airlines, di sini semalam.

Di **Semenyih**, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin



Input mereka berikan amat penting untuk diperhalusi dan keputusan akan dibuat secara bersama. Tindakan diambil akan beri kesan positif kepada rakyat"

Mohamed Azmin Ali,
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

Yassin, berkata penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi adalah langkah ke hadapan bagi memulih dan memperkukuhkan ekonomi negara, selain memastikan isu berkaitan dapat diberi perhatian agar rakyat dapat melihat usaha di-



Ini langkah ke hadapan untuk melihat isu ekonomi negara dalam konteks yang lebih besar supaya setiap isu yang dibangkitkan akan diberi tumpuan lebih mendalam"

Muhyiddin Yassin,
Menteri Dalam Negeri

lakukan kerajaan.

Rakyat rasai perubahan

"Ini langkah ke hadapan untuk melihat isu ekonomi negara dalam konteks yang lebih besar supaya setiap isu yang dibangkitkan akan diberi tumpuan le-

bih mendalam. Apa yang lebih penting, rakyat dapat melihat dan merasai perubahan yang berlaku," katanya ketika ditemui media.

Sambil menafikan dakwaan penubuhan majlis itu disebabkan anggota Kabinet sedia ada tidak memadai bagi menangani isu berkaitan ekonomi, beliau menegaskan, Jemaah Menteri masih berfungsi seperti biasa.

"Saya sendiri yang bawa cadangan supaya majlis ini ditubuhkan ketika mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH). Majlis ini kombinasi sektor swasta dan kerajaan untuk bantu pulihkan ekonomi negara. Ini bukan kali pertama majlis seumpamanya ditubuhkan," katanya.

Beliau turut menyangkal dakwaan kononnya kerajaan PH mengabaikan kepentingan dan hak orang Melayu serta Bumiputera, menyifatkan tuduhan itu berniat jahat kerana hak golongan itu sudah termaktub dan dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.